

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MAJLIS BELIA MALAYSIA, DI AUDITORIUM MARA, KUALA LUMPUR PADA 26HB MEI, 1972

Saudara Pengerusi, Yang Dipertua Majlis Belia Malaysia,¹ Y.B. Dato Hamzah,² Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan terima kasih atas kesudian saudara-saudara menjemput saya untuk merasmikan Perhimpunan Tahunan M B M petang ini.

Pada hemat saya sidang ini membawa erti yang besar kepada belia-belia di seluruh negara kerana tidak dapat tidak saudara-saudara akan membuat beberapa keputusan penting yang melibatkan pergerakan belia, baik ahli-ahli gabungan sendiri mahu pun yang di luarnya.

Majlis Belia Malaysia sebagai badan yang menyatukan pergerakan belia besar dan kecil, mempunyai tanggungjawab yang berat memimpin dan mengarahkan belia menuju matlamat yang dicita-citakan. Saya rasa Majlis Belia ini sepatutnya memainkan peranan yang besar, bukan saja menyelaraskan kegiatan-kegiatan belia tetapi menggembeling seluruh tenaga belia yang bergabung di bawah panji-panjinya itu melaksanakan usaha-usaha pembangunan negara.

Saudara, baru beberapa hari yang lalu, saya dapat kesempatan berucap kepada belia-belia di seluruh negara bersempena dengan Hari Belia 1972. Hari ini saya berpeluang untuk bertemu muka dengan saudara-saudara pemimpin belia yang mewakili sebahagian terbesar daripada mereka yang masih di bangku sekolah, di maktab-maktab dan Universiti-universiti, juga yang sudah masuk dalam arena perjuangan hidup sebagai pemuda-pemuda tani, pekerja-pekerja kilang, pegawai-pegawai Kerajaan, business executives dan ahli-ahli politik.

Sukacita mendengar dari Saudara Anuar Ibrahim belia-belia telah mengadakan banyak dialog-dialog disusun dan diikuti dengan action dan activities yang membina.

1 Y.M. Tuanku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman.

2 Y.B. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam pesanan kepada belia-belia, saya telah memberikan garis-garis dasar yang saya rasa patut dijadikan panduan mereka dan di samping itu saya menegaskan peranan utama belia sebagai modernising force dalam membangun masyarakat Malaysia baru.

Saya menggunakan istilah modernising force itu dengan pengertian bahawa dalam keadaan kita mengejar waktu hendaklah sentiasa bergerak cergas di baris hadapan, memimpin dan membimbing anggota-anggota masyarakat sekelilingnya ke arah tingkatan hidup yang lebih maju dan sempurna.

Dengan ini bermakna setiap belia bakal pemimpin hendaklah terlebih dahulu melengkapkan diri dengan kebolehan dan kemahiran pimpinan atau leadership skill. Hanya dengan kebolehan dan kemahiran ini, barulah dapat dia memandu dan membimbing anggota masyarakat sekelilingnya menjayakan matlamat-matlamat pembangunan.

Sebaliknya, tanpa kebolehan dan kemahiran tentulah dia tidak akan dapat memenohi tugasnya sebagai modernising agent sedangkan dia sendiri masih memerlukan bimbingan pula.

Saudara-saudara sekalian,

Negara kita sungguh beruntung kerana pada satu-satu peringkat dalam sejarah kebangkitan nasional kita, golongan belia yang penuh bersemangat patriotism dan rasa tanggungjawab tampil kemuka menyahut cabaran zaman. Sejarah perjuangan kemerdekaan membuktikan hakikat ini dalam mana golongan belia memainkan peranan besar mempelupuri gerakan kemerdekaan, bahkan rela berkorban mempertahankan keamanan negara dan kedaulatan bangsa. Apakala tercapai kemerdekaan lima belas tahun dahulu golongan behalah tampil ke depan untuk memikul tanggungjawab yang berat mengendalikan pentadbiran negara dan menentukan arah haluannya mengisi cita-cita kemerdekaan.

Rasanya tidak perlu saya berpanjang lebar kerana perkara-perkara yang penting telah pun saya katakan dengan jelas pada kesempatan terdahulu itu. Kerajaan sedar betapa mustahaknya kita membina jenerasi muda dan golongan belia sebagai pewaris untuk menyambung pelaksanaan rancangan-rancangan hari ini dan masa depan. Hidup kita di dunia ini adalah ibarat roda yang sentiasa berpusing. Hari ini jenerasi saya memikul tanggungjawab

memimpin negara. Dalam tempoh sepuluh atau selawat-lewatnya dua puluh tahun lagi, jenerasi saya akan berlalu dan jenerasi saudara-saudara pula akan mengambil alih tanggungjawab itu.

Inilah sebabnya saya menarik perhatian saudara-saudara supaya menitikberatkan masaalah pemimpinan dan persediaan untuk memberikan pimpinan yang dikehendaki oleh masyarakat pada sesuatu waktu.

Dalam hubungan ini, Majlis Belia Malaysia mempunyai tugas-tugas tertentu. Sebagai kemuncak dari pergerakan belia kebanyakan anggota M B M adalah tokoh-tokoh pemimpin negara dalam sifat saudara-saudara mengetuai badan-badan belia kebangsaan seperti MAYC, Belia 4B, GPMS, PKPM, SANYA dan lain-lain lagi. Kedudukan saudara-saudara mendapat iktiraf yang tinggi dalam taraf saudara-saudara, sebagai anggota Majlis Perundingan Belia Negara, yang boleh disifatkan sebagai Parlimen Belia.

Jadi, nyatalah saudara-saudara mendapat kepercayaan penuh dari Kerajaan untuk menasihat serta membantu Kementerian yang berkenaan memperkemaskan pergerakan belia amnya supaya mereka dapat memberikan sumbangan positif kepada negara dan kepada mereka sendiri. Inilah inti dari konsep functional leadership yang saya harapkan dari saudara-saudara menjalankannya bagi memenuhi kehendak negara dan aspirasi rakyat.

Saudara-saudara sekalian,

Kita sama-sama maklum, Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa berusaha dan berikhtiar memenuhi kehendak-kehendak belia. Di masa-masa yang lalu, pertubuhan-pertubuhan belia lebih banyak mengharapkan bantuan Kerajaan daripada berusaha untuk berdikari. Saya bersyukur melihat adanya perubahan sikap di kalangan belia-belia hari ini dan secara beransur-ansur rasmi "dependent" atas mengharapkan bantuan semata-mata sudah mula berkurangan dan berganti corak. Semakin banyak nampaknya badan-badan belia yang ingin berdikari tetapi bagaimanapun mereka masih pada peringkat permulaan memerlukan bantuan untuk "launching off" menjayakan sesuatu projeknya.

Seperti saya katakan, Kerajaan akan terus membantu gerakan belia tetapi hendaklah ada inisiatif di kalangan belia itu sendiri menunjukkan response dan menjalankan tindakan-tindakan yang

bermunafaat kepada gerakan mereka dan juga masyarakat Inilah perkara yang saya harap dipanjangkan oleh Majlis Belia ini kepada badan-badan gabungan. Dengan adanya blueprint seperti yang dikatakan itu yang akan disalurkan tindakan pelaksanaannya kepada badan-badan gabungan, saya percaya tentu lebih banyak lagi kejayaan yang akan tercapai.

Sungguh pun tenaga kekuatan M B M sebenarnya terletak pada badan-badan gabungan, tidaklah seharusnya kegiatan M B M hanya timbul semasa Minggu Belia saja atau pun sewaktu meraikan lawatan rombongan belia luar negeri. Hubungan antara bangsa memang dianggap penting tetapi saya suka melihat focus tumpuan kegiatan belia hendaklah lebih diutamakan untuk kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan masyarakat kita sendiri. Rational mewujudkan M B M bukanlah hanya untuk ikut serta dalam kegiatan W A Y bahkan untuk negara.

Saudara-saudara sekalian,

Saya menganggap Perhimpunan saudara-saudara hari ini sungguh penting, bukan dalam ertikata meluluskan resolution-resolution yang hangat atau perebutan pucuk pimpinan M B M. Tetapi yang amat penting saudara-saudara fikirkan ialah menentukan arah haluan gerakan belia negara dalam tahun-tahun akan datang.

Saudara-saudara bukan saja mendukung mandat dan kepercayaan dari pertubuhan masing-masing tetapi pada hakikatnya mandat kepercayaan dari belia seluruh negara kita ini. Oleh yang demikian, saya mengharapkan hasil-hasil yang besar dari Perhimpunan ini, mengatasi segala resolution yang rasanya tidak berkait dengan kepentingan belia hari ini (dan menumpukan sepenuh usaha dan tenaga pada kemajuan dan kepentingan belia pada masa akan datang). Keputusan inilah yang sama-sama kita tunggu.

Dengan itu, saya sukacita merasmikan Perhimpunan Majlis Belia 1972, dan saya ucapkan selamat bersidang.